

# Pusat kajian baru permudah kaji denggi, Zika

SEBUAH pusat kajian baru akan bantu memerangi penyakit yang dibawa nyamuk seperti denggi dan Zika dengan menghasilkan rawatan ubatan.

Pusat Satelit J&J untuk Penemuan Kesihatan Global, satu kerjasama antara Sekolah Perubatan Duke-NUS dan syarikat farmaseutikal besar, Johnson & Johnson, telah dilancarkan semalam.

Pusat tersebut, kata Duke-NUS dalam satu kenyataan semalam, akan memberi tumpuan kepada penyakit yang disebabkan *flavivirus*, yang belum mempunyai sebarang rawatan.

*Flavivirus* – yang juga menyebabkan penyakit seperti demam Nil Barat (West Nile fever); ensefalitis bawaan kutu iaitu sejenis radang otak; dan demam kuning – menjangkiti sekitar 400 juta orang setiap tahun, kata Duke-NUS.

Menurut Duke-NUS, Asia sendiri menyumbang tiga suku daripada kes-kes jangkitan sedunia dan pemanasan bumi bermaksud berbilion lagi orang akan terkesan atau dijangkiti *flavivirus*.

Dengan pusat baru itu, ia diharapkan dapat menyatukan pakar-pakar dari seluruh masyarakat saintifik untuk menghasilkan penemuan dan rawatan yang disebabkan *flavivirus*.

Singapura telah melaporkan lebih 15,800 kes denggi tahun ini, berdasarkan angka Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA) – berbanding 5,258 kes yang dicatatkan bagi keseluruhan tahun lepas.

Profesor Madya Christopher Laing, naib dekan untuk inovasi dan usahawanan di Duke-NUS, berkata bahawa beliau yakin pusat tersebut akan mencipta penemuan baru dalam membendung ancaman daripada penyakit-penyakit itu.

“Singapura adalah sebuah hab terkemuka bagi inovasi dan kajian dan merupakan sebuah pusat ancaman denggi. Secara semula jadi, ini membuat Duke-NUS kerjasama yang sesuai dengan visi kami untuk menangani *flavivirus* dengan mema-

jukan sains inovatif,” jelas Dr Ruxandra Draghia-Akli, ketua pengkajian kesihatan awam global di Janssen Research & Development, di bawah naungan J&J.

Kajian di Pusat Satelit J&J untuk Penemuan Kesihatan Global sudah bermula.

Ia diketuai Professor Subhash Vasudevan, PhD, Program Penyakit Berjangkit Baru Muncul, dari Duke-NUS; serta Dr Olivia Goethals, PhD, Saintis Utama, Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Kesihatan Awam Global, syarikat Janssen Pharmaceutica NV.

Baru-baru ini, Duke-NUS telah bekerjasama dengan Unit Perubatan Penyiasatan SingHealth untuk mengendalikan percubaan klinikal bagi sebatian antiviral Janssen, yang bertujuan mencegah dan merawat denggi.

Di Sidang Kemuncak Denggi Asia Ke-5 di Singapura minggu lepas, para pengkaji mencadangkan ubat-ubat profilaksis – bagi mencegah dan mengawal penyakit – yang boleh digunakan secara berkesan bagi mencegah penularan virus denggi.

Dalam satu surat forum kepada *The Straits Times* baru-baru ini, Profesor Tikki Pang, bekas pengarah dasar penyelidikan dan kerjasama di Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), turut menyeru penggunaan vaksin Dengvaxia yang lebih luas bagi warga emas.



**USAHA TERKINI:** Kerjasama Sekolah Perubatan Duke-NUS dan syarikat farmaseutikal, Johnson & Johnson, untuk memerangi penyakit yang dibawa nyamuk. – Foto fail